



10 elemen UMP capai taraf dunia

KUANTAN Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggariskan 10 elemen yang boleh memacu warganya mencapai kecemerlangan sekali gus menjadikan universiti itu bertaraf dunia.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Mohd. Nasir Ibrahim berkata, elemen tersebut ialah pembangunan modal insan, tadbir urus yang baik, pengajaran dan pembelajaran, akses dan sosioekonomi serta jaminan kualiti.

Katanya, lima lagi elemen ialah penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan, pembelajaran sepanjang hayat, pengantarabangsaan dan nilai tambah berasaskan teknologi.

"Semua elemen itu perlu ada dalam diri setiap warga UMP kerana ia bakal menentukan kejayaan sesebuah organisasi supaya dapat beroperasi dengan berkesan.

"Sehubungan itu, semua kakitangan, tenaga pengajar dan pelajar perlu bersiap sedia menghadapi cabaran globalisasi bagi menjadikan universiti ini bertaraf dunia," katanya.

Beliau berucap ketika menyampaikan syarahan sempena 100 hari pentadbirannya sebagai Naib Canselor UMP di universiti itu di sini baru-baru ini.

Daing Mohd. Nasir berkata, untuk mencapai taraf dunia, semangat kerja berpasukan antara kakitangan, tenaga pengajar dan pelajar amat dituntut.

Tegas beliau, tumpuan harus diberi bagi memperkukuhkan asas-asas yang digariskan dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010 untuk menentukan hala tuju yang lebih cemerlang.

Menurut beliau, pelan strategik itu merupakan pemangkin untuk memacu kecemerlangan UMP.

"Kita yakin sasaran itu dapat dicapai bagi melahirkan graduan yang menjadi rebutan majikan kerana kualiti yang dimiliki," jelasnya.

Oleh itu, tambah beliau, warga UMP perlu mempunyai gambaran jelas terhadap visi, misi falsafah dan nilai teras universiti tersebut.